

HUBUNGAN (Part 12)

Omar Nor Bin Abu Bakar, Mohd Hafizullah Amin Mat Noor & Mohd Roshan Bin Sarkarsi

KAEDAH MENGATASI KESUNYIAN

Carilah pasangan yang sesuai

Bagi kaum wanita dan lelaki yang mengalami kesunyian dalam mencari pasangan teman hidup untuk mendirikan rumah tangga perlu mencari mengikut citarasa masing-masing tanpa mengabaikan tanggungjawab terhadap tugas dan keluarga. Dalam mencari pasangan hidup perlulah mengeneikan keegoan, keangkuhan dan terlalu memilih. Menurut Sunnah Rasulullah SAW menyatakan bahawa carilah pasangan hidup berdasarkan empat perkara iaitu rupa parasnya, keturunannya, kedudukannya dan yang paling penting ialah agamanya. Kita perlu mencari pasangan yang ideal kerana kita mungkin akan bersama dengannya dalam apa jua keadaan sehingga keujung nyawa. Pasangan hidup ini adalah tunjang kepada kejayaan hidup kita pada masa hadapan.

Memahami tugas, peranan dan tanggungjawab

Kita sebagai khalifah di atas muka bumi ini mempunyai tujuan, peranan dan tanggungjawab masing-masing bagi melengkapi antara satu sama lain. Dengan memahami tugas, peranan dan tanggungjawab yang pelbagai membantu diri menjadi sempurna terhadap diri dan orang lain.

Kesunyian yang dihadapi oleh isteri yang ketandusan nafkah zahir mahupun batin serta orang tua yang terabai boleh diatasi jika kita mengetahui tugas, peranan dan tanggungjawab kita sebagai isteri, suami, anak, jiran dan masyarakat. Sebagai seorang lelaki yang mempunyai isteri adalah mempunyai kewajipan pada diri lelaki tersebut memberikan nafkah zahir dan batin. Ini penting agar hubungan intim dapat dijalinkan dan sekaligus mengurangkan peratus perceraian, keruntuhan rumahtangga yang boleh dikatakan menjadi punca gejala sosial dan keruntuhan moral dalam masyarakat. Selain daripada itu, isteri juga perlu menggunakan peluang berkerja di jalan yang diredhai oleh Allah disamping menjaga maruah diri. Saling ingat mengingati antara satu sama lain mengenai peranan dan tanggungjawab adalah sangat penting.

Sementara itu, untuk mengatasi masalah orang-orang tua yang kesunyian pula ialah seharusnya seorang anak itu sadar akan tanggungjawabnya terhadap kedua ibu bapa mereka setelah berkerja dan berumah tangga. Sebagai seorang anak, kita seharusnya sadar akan sumbangan ibu bapa yang tidak berbelah bagi untuk membesarkan anak-anaknya sehingga berjaya. Dengan kemajuan dan perubahan zaman ini mungkin mempengaruhi pemikiran kita dan orang lain terhadap menyelesaikan masalah kesunyian orang-orang tua. Jika dahulu kita melihat dengan menghantar ibu bapa ke rumah orang-orang tua, kita akan beranggapan bahawa anak itu tidak tahu menghormati dan menyayangi ibu bapanya sendiri. Mungkin juga ada kalangan kita berfikir orang tua ini menyusahkan dan menghantar mereka ke rumah orang-orang tua ini akan menyelesaikan beban tanggungan untuk menjaga dan urusan ibu bapa mereka lebih teratur apabila di hantar ke rumah tersebut. Perubahan tanggapan dan pemikiran mungkin berlaku pada diri kita dan orang-orang tua masa kini disebabkan impak kemajuan teknologi dan sosialisasi dalam masyarakat yang mana semua orang bergerak keluar dari rumah untuk melaksanakan peranan dan tanggungjawab untuk diri sendiri dan keluarga serta masyarakat. Pada pendapat saya, perkhidmatan pusat penjagaan orang-orang tua secara harian apabila di rumah tidak terdapat seorang pun untuk memerhatikan dan menjaga orang-orang tua yang tidak bermaya pada sebelah siang. Walaubagaimanapun, mungkin pada waktu malam hubungan keluarga beberapa generasi terjalin semula.

